



Headline: Guru panik ugutan palsu akan ditahan kes Language: Malay  
dadah rugi RM120,000

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 16 September 2019

Page: 52

## Guru panik ugutan palsu akan ditahan kes dadah rugi RM120,000

**Rompin:** Panik dengan ugutan kononnya akan ditahan kerana terbabit kes dadah, seorang guru wanita di sini, kerugian RM120,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam, Khamis lalu.

Kejadian berlaku apabila mangsa berusia 50 tahun menerima panggilan daripada suspek yang memperkenalkan diri sebagai Aidil Ahmad Abu Rashid.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata suspek mendakwa dari Pejabat Mahkamah Majistret Kuala Terengganu dan memberitahu mangsa mempunyai hutang kad kredit sebanyak RM13,600.10.

"Bagaimanapun, mangsa menafikan perkara itu sebelum panggilan itu disambungkan kepada pihak 'polis' dan bercakap dengan seorang lagi suspek yang menyamar sebagai anggota polis.

"Suspek kedua ini mendakwa mangsa juga terbabit dengan kes dadah," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, mangsa yang panik dengan ugutan itu hanya mengikut arahan suspek.

"Mangsa kemudian membuat beberapa kali pindahan wang ke dalam dua akaun diberikan suspek menjadikan jumlah keseluruhan RM120,000.

"Namun, mangsa menyedari dirinya ditipu selepas suspek masih lagi meminta wang sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Rompin semalam," katanya.



**Suspek  
mendakwa dari  
Pejabat Mahkamah  
Majistret Kuala  
Terengganu dan  
memberitahu mangsa  
ada hutang kad kredit  
sebanyak RM13,600.10.**

**Mohd Wazir Mohd Yusof,  
Ketua Jabatan Siasatan  
Jenayah Komersial Pahang**